

Pilihanraya umum dipercepat?

Umno arah siapsedia

KUALA LUMPUR, Rabu — Bahagian-bahagian UMNO telah diarah sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan pilihanraya umum yang mungkin dipercepatkan dari jadal.

Ketika menegaskan demikian, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar berkata,

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

sebagai sebuah organisasi politik UMNO mestilah sentiasa siap sedia menyusun strategi dan jentera parti dari masa ke semasa.

Menurutnya, ini disebabkan pilihanraya umum boleh diadakan bila-bila masa sahaja sama ada awal tahun atau sebaliknya.

Beliau berkata demi-

kian sebagai mengulas laporan bahawa besar kemungkinan pilihanraya umum diadakan awal tahun depan.

Tamat tempoh Parlimen sekarang dan Dewan Undangan Negeri melainkan di Kelantan ialah pada bulan Julai 1983. Dewan Undangan Negeri Kelantan pula tamat tempoh pada bulan Mac 1983.

Para pemerhati politik UMNO bersetuju dengan pendapat bahawa pilihanraya umum akan diadakan awal tahun depan iaitu sebelum pemilihan ahli-ahli Exco Bahagian UMNO.

Mereka berpendapat jika pilihanraya umum diadakan sebelum pemilihan Bahagian UMNO maka pemilihan itu akan menjadi hebat dan hangat.

Ini bukan sahaja menjadi rebutan di kalangan golongan dalam UMNO tetapi juga akan menimbulkan perasaan tidak puas hati berpanjangan dan secara langsung menjejaskan perpaduan UMNO semasa menghadapi pilihanraya umum.

Bagaimanapun, Datuk Mustafa masalah bila pilihanraya umum itu diadakan tidak timbul kerana UMNO telah bersedia dan berjaya.

Katanya, meskipun parti lawan terutama PAS menganggap mereka mempunyai pengaruh di Kelantan tetapi UMNO yakin dapat mengekalkan kekuasaan parti tersebut di negeri itu.

"Alasan UMNO akan kalah di Kelantan disebabkan kekalahan Tengku Razaleigh Hamzah merebut jawatan Timbalan Presiden tidak dapat diterima.

"Ini disebabkan ahli-ahli UMNO terutama di Kelantan faham bahawa pertandingan dalam parti tersebut merupakan amalan biasa parti yang mengamalkan konsep demokrasi," katanya.

Beliau juga menerangkan meskipun pertandingan merebut kerusi berlaku tetapi ia tidak lebih dari mengacau daun di samping ingin memberitahu parti mereka masih wujud lagi.

Mengenai kempen menggalakkan pendaftaran mengundi, Datuk Mustafa menegaskan, beliau berpuashati dengan kegiatan kempen yang dijalankan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia